

BAB 5

STATUS EKONOMI RESPONDEN

5.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan keadaan ekonomi pendatang asing Filipina di Sabah dan latar belakang pekerjaan mereka semasa di negara asal. Ini bertujuan untuk melihat sektor-sektor ekonomi yang mereka ceburi dan kedudukan ekonomi mereka di negeri ini.

Berdasarkan pendaftaran di Jabatan Buruh Sabah pada tahun 1996, buruh asing Filipina dan Indonesia menyumbangkan sebanyak 55.8% (68,107) dari 122,144 sumber tenaga di Sabah. Kebanyakan mereka tertumpu dalam sektor perladangan dan perindustrian. Pekerjaan bagi pekerja-pekerja asing yang tidak berdaftar adalah lebih meluas seperti yang dilihat dalam kes responden-responden yang dikaji.

5.2 Jenis-Jenis Pekerjaan Di Filipina

Jadual 5.1 menunjukkan bahawa seramai 34 orang (64.2%) daripada responden mempunyai pekerjaan sebelum mereka berhijrah ke Sabah, yang lainnya 19 orang (35.8%) tidak mempunyai sebarang pekerjaan. Dari bilangan responden yang tidak bekerja ini seramai 11 orang (20.8%) daripada mereka belum layak bekerja kerana masih bersekolah dan kanak-kanak tatkala berhijrah ke Sabah

Dari segi jenis pekerjaan, paling ramai (34%) daripada responden terlibat dalam sektor pertanian seperti kerja-kerja bersawah padi, berkebun sayur dan buah-buahan, menternak kambing dan lembu, menanam rumpai laut serta menjalankan kerja-kerja

nelayan secara sambilan. Kesemua kerja ini dilakukan secara persendirian. Pendapatan yang diperolehi tidak tetap antara 5 hingga 10 pesos sehari (150 hingga 300 pesos sebulan) iaitu RM 15 hingga RM 30 sebulan. Kadang-kadang pendapatan ini hanya mencukupi untuk sara hidup sahaja. Apabila tiba musim buah-buahan ataupun bila kerja pertanian mereka mengeluarkan hasil barulah mereka memperolehi sedikit pendapatan tambahan iaitu antara 15 hingga 40 pesos sehari (150 hingga 1200 pesos atau RM 15 hingga RM 120 sebulan).

Jadual 5.1
Jenis Pekerjaan Responden Semasa Di Negara Filipina

JENIS PEKERJAAN	BIL. RES	%	PENDAPATAN SEBULAN DALAM PESOS						
			< 200	200- 400	401- 600	601- 800	801- 1000	1001- 1200	> 1200
PERTANIAN	18	34	2	9	2	1	2	1	1
BURUH BINAAN	2	3.8			1		1		
BURUH KILANG	1	1.9		1					
KERJA KERAJAAN	-								
NELAYAN	2	3.8		1	1				
BERNIAGA	6	11.3		2			1		3
PERTANIAN+BRH BINAAN	1	1.9							1
PERTANIAN+NELAYAN	1	1.9	1						
LAIN-LAIN	3	5.7		1		1			1
TIDAK BEKERJA	8	15.1							
MASIH SEKOLAH	3	5.7							
MASIH KANAK-KANAK	8	15.1							
JUMLAH	53	100	3	14	4	2	4	1	6

Sumber: Dari Borang Soal Selidik Pada Mei hingga Jun 1996

Nota* 3 responden dilahirkan di Sabah.

Selain itu, seramai 6 orang (11.3%) daripada responden terlibat dalam kerja berniaga secara kecil-kecilan seperti:

- i) menjaja makanan dan minuman
- ii) Tukang emas
- iii) Kedai runcit
- iv) Menjual rumput laut

- v) Menjual pakaian terpakai dan;
- vi) menjual ikan (segar & ikan masin), buah-buahan dan sayur-sayuran.

Pendapatan yang diperolehi antara 200 hingga 4000 pesos sebulan (RM 20 hingga RM 400 sebulan). Dalam pekerjaan buruh pula, seramai 4 orang (7.5%) responden melibatkan diri dalam pekerjaan buruh binaan dan seorang daripadanya bekerja sebagai buruh kilang. Bagaimanapun, pendapatan yang diperolehi adalah rendah tidak melebihi dari 200 hingga 1000 pesos (RM 10 - 100) sebulan.

Dalam pekerjaan sebagai nelayan, seramai dua orang dari mereka yang melakukannya secara sepenuh masa dan seorang pula melakukannya secara sambilan. Pendapatan yang diperolehi tidak tetap bergantung kepada musim. Pada amnya pendapatan nelayan sepenuh masa ialah antara 20 hingga 80 pesos (RM 2 - RM 8) sehari. Jikalau tiba musim tengkujuh semasa laut bergelora, mereka langsung tidak boleh turun ke laut dan tidak memperolehi pendapatan. Menurut responden, pada musim itu mereka terpaksa hanya makan ubi kayu (putu) sahaja dan kadang-kadang berhutang untuk menampung keperluan harian.


Lain-lain pekerjaan yang diceburi oleh responden semasa di Filipina adalah seperti kerja konduktor bas, mekanik dan tukang buat tempel atau perahu. Dari segi pendapatan bulanan, mereka memperolehi pendapatan sebanyak 300 pesos sebulan sebagai konduktor bas, 800 pesos sebagai mekanik dan 5,000 pesos sebulan sebagai tukang tampel. Bagaimanapun, kerja sebagai tukang membuat tempel ini tidak menghasilkan pendapatan yang begitu tetap. Ia bergantung kepada tempahan tampel yang diperolehi dan tiap-tiap satu tempel mengambil masa 3 hingga 4 bulan untuk disiapkan. Biasanya tukang tempel ini memperolehi hasil jualan atau tempahan tempel sebanyak

15,000 hingga 30,000 peso sebuah bergantung kepada saiz yang dibuat. Bagaimanapun, dalam masa setahun beliau hanya boleh menyiapkan tiga buah tempel.

Ada juga responden yang tidak mempunyai pekerjaan (35.8%) semasa di Filipina. Sebilangan besar mereka ini masih muda pada masa itu iaitu peringkat umur kanak-kanak dari 1 hingga 15 tahun. Setelah berhijrah mengikut keluarga sebahagian daripada mereka telah dihantar belajar di sekolah-sekolah di Sabah. Yang lainnya pula membantu bapa mereka bekerja misalnya dalam sektor-sektor pembinaan dan perladangan, walaupun dari segi umur kanak-kanak ini masih terlalu muda dan belum layak lagi melakukan pekerjaan.

5.3 Sektor Pekerjaan Di Sabah

Pada tahun 1970 an dan 1980 an, penguasaan dalam sektor-sektor pekerjaan seperti pertanian, perlombongan, perikanan dan pengangkutan di Sabah sebahagian besarnya dimonopoli oleh pekerja asing terutamanya dari Filipina dan Indonesia (Patricia Regis; 1989:421-424 & Ho Ting Seng, 1989:225-242). Di Sabah, pelbagai jenis pekerjaan telah ditawarkan kepada pendatang asing ini. Mereka boleh memilih sama ada bekerja di dalam sektor formal (makan gaji) ataupun informal (kerja sendiri). Walaupun semasa mula-mula sampai dahulu, mereka terpaksa mengambil apa-apa sahaja pekerjaan yang ada namun setelah lama menetap di negeri ini mereka berpeluang memilih pekerjaan lain. Misalnya memilih pekerjaan yang lebih baik yang menawarkan pendapatan yang lebih tinggi berbanding dengan pekerjaan sebelumnya.



Sumber: Borang Kaji Selidik Mei-Jun 1996.
Nota, 56 orang responden

Carta 5.1 menunjukkan pekerjaan responden di Kampung Bakau pada masa ini. Pekerjaan mereka bolehlah dibahagikan kepada dua ketagori iaitu makan gaji dan bekerja sendiri. Seramai 35 orang (62%) bekerja makan gaji (sektor formal) dan 20 orang (36%) pula bekerja sendiri (sektor informal). Sementara itu, hanya seorang sahaja responden yang tidak bekerja kerana sudah tua. Bagaimanapun, beliau dibantu oleh anak-anaknya untuk menyara kehidupan. Alasan yang diberikan oleh responden semasa menceburkan pekerjaan ini ditunjukkan dalam jadual 5.2. Setiap responden tidak hanya memberikan satu alasan bahkan ada yang lebih dari dua ataupun tiga alasan mengikut keutamaan.

Ada empat alasan yang paling kerap dikemukakan oleh responden semasa memilih pekerjaan. Pendapatan yang lumayan, kerja mudah dilakukan dan mudah didapati (70%) merupakan alasan yang paling utama menyebabkan mereka menceburkan diri dalam satu bidang pekerjaan.

Jadual 5.2
Sebab-Sebab Responden Memilih Pekerjaan Sekarang

SEBAB-SEBAB MEMILIH PEKERJAAN SEKARANG	KEUTAMAAN ALASAN					
	I	%	II	%	III	%
Ada Kemahiran & Pengalaman	4	7.1	1	2.3	-	-
Pendapatan Lumayan	25	44.6	7	15.9	-	-
Pendapatan Cukup Tampung Hidup	10	17.9	7	15.9	1	10
Mudah Dapat	9	16.1	15	34.1	3	30
Kerja Mudah Dilakukan	5	8.9	12	27.3	5	50
Minat	-	-	2	4.5	1	10
Mencari Pengalaman/Terpaksa	1	1.8	-	-	-	-
Tidak Beri Seberang Alasan	2	3.6	-	-	-	-
JUMLAH	56	100	44	100	10	100

Sumber: Borang Soal Selidik Pada Mei hingga Jun 1996

Pendatang Filipina ini mudah dapat kerja dan boleh mencari kerja yang bergaji tinggi kerana pertumbuhan ekonomi negeri Sabah yang tinggi iaitu mencapai kira-kira 8.5% pada tahun 1996. Banyak peluang pekerjaan dibuka, tetapi penduduk tempatan tidak berminat menceburkan diri dalam pekerjaan seperti buruh ladang dan buruh binaan. Mereka beranggapan pekerjaan ini berstatus rendah, kotor dan sangat meletihkan. Akibatnya banyak kerja ini telah dikosongkan oleh penduduk tempatan. Ini memberi kesempatan kepada pendatang Filipina untuk mendapatkan pekerjaan. Mereka yakin, pekerjaan yang diceburi ini setidak-tidaknya sedikit demi sedikit boleh mengubah taraf kehidupan kepada tahap yang lebih baik berbanding dengan negara asal. Walaupun pada mulanya mereka terpaksa bekerja kuat di Sabah, namun pendapatan yang lebih lumayan berbanding dengan yang diperolehi di Filipina mendorong mereka tidak begitu mengambil kira jenis pekerjaan yang diceburi.

Responden juga memilih pekerjaan sebagai alasan pertama kerana pendapatan darinya cukup untuk menampung kehidupan (17.9%). Bahkan alasan mempunyai kemahiran atau pengalaman kerja (7.1%) juga merupakan alasan yang diambil kira oleh

responden dalam memilih pekerjaan. Bagaimanapun, alasan ini lebih tertumpu kepada responden yang bekerja sendiri (pekerjaan informal) seperti tukang jahit, tukang emas, tukang kayu, nelayan dan penjaja. Dengan minat yang ada (sebagai alasan kedua dan ketiga) ditambah pula kemahiran dan pengalaman yang dimiliki mereka mengambil keputusan untuk bekerja sendiri di Sabah.

Hanya seorang responden menyatakan bahawa mereka menjawat pekerjaan sekarang kerana terpaksa dan untuk mencari pengalaman baru. Responden ini mencebur pekerjaan yang tidak pernah dilakukan semasa di negara asal. Dua orang lagi tidak memberikan sebarang alasan kerana mereka tidak kisah apa pun jenis pekerjaan yang diceburi asalkan dapat memberikan pendapatan kepadanya.

5.4 Cara Mendapat Kerja

Pada hakikatnya, kerajaan menyekat kemasukan pekerja asing di bawah Akta Imigresen 1959/63,¹ Ordinan Buruh seksyen 118 (Sabah Cap 67)² dan Akta Sekatan Pekerjaan 1968 (Akta 353).³ Namun kebanjiran pekerja tanpa izin di Sabah pada hari ini membuktikan bahawa kerajaan kelihatan seperti tidak begitu berjaya melaksanakan undang-undang. Ataupun, kerajaan telahpun mengamalkan dasar yang liberal terhadap kemasukan mereka, kerana peranan dan sumbangan mereka dianggap penting dalam membantu pembangunan ekonomi negara ini.

¹ Akta yang melarang majikan menggaji dan melindungi Pekerja Tanpa Izin (boleh didenda tidak melebihi RM 10,000 atau 5 tahun penjara atau kedua-duanya sekali).

² Akta yang melarang majikan menggaji pekerja asing tanpa mempunyai lesen Penggajian Pekerja Asing (boleh denda tidak melebihi RM 500 dan penjara 6 bulan sekiranya membayar denda).

³ Akta yang melarang majikan menggaji Pekerja Asing Tanpa Izin (boleh didenda tidak lebih RM 5,000 atau penjara tidak lebih satu tahun atau kedua-duanya sekali).

Oleh itu, tinjauan dibuat untuk mengetahui bagaimana cara-cara mereka mendapatkan pekerjaan makan gaji. Berdasarkan jadual 5.3 dapat diperhatikan dengan jelas bahawa 26 orang (74.3%) responden mendapatkan pekerjaan melalui usaha sendiri, mana kala 9 orang (25.7%) dibantu secara lansung oleh orang lain seperti rakan-rakan dan saudara mara mereka.

Jadual 5.3
Cara Mendapatkan Pekerjaan Makan Gaji

CARA KERJA	MENDAPAT	BILANGAN	PERATUS (%)
SENDIRI	26	74.3	
RAKAN-RAKAN	8	22.8	
SAUDARA MARA	1	2.9	
AGENSI	0	0	
JUMLAH	35	100	

Sumber: Dari Borang Soal Selidik Pada Mei hingga Jun 1996

Nota* Jumlah responden 56 orang

Jika dilihat cara penghijrahan responden seperti yang dibincangkan dalam bab 4, kesemua responden datang ke Sabah secara sendiri. Hanya 5.7% sahaja responden yang mengikuti syarikat perladangan yang telah membuka peluang pekerjaan mereka. Setelah tiba di Sabah, mereka secara langsung terus bekerja di dalam syarikat berkenaan. Bagaimanapun, pada masa sekarang tidak seorang pun daripada responden ini mendapatkan pekerjaan melalui agensi pekerjaan. Salah seorang responden menyatakan bahawa:

"Kami tidak suka mencari pekerjaan melalui agensi pekerjaan kerana terpaksa membayar wang komisen kepada mereka. Lagipun, jika melalui agensi kami juga terpaksa menyediakan pasport ataupun pas kerja. Kami lebih senang mencari kerja sendiri atau meminta tolong kawan-kawan atau saudara mara."⁴

⁴

Temu bual dengan Encik Adin Bin Hassanuddin pada 29 Mei 1996.

Responden yang mencari pekerjaan sendiri biasanya pergi ke tempat-tempat kerja seperti tapak binaan bangunan-bangunan untuk bertemu dengan mandur atau majikan yang boleh memberikan pekerjaan. Kadang-kadang mereka juga pergi dari satu pejabat ke satu pejabat dalam syarikat swasta di daerah Lahad Datu. Keadaan sama seperti mana kajian Mohd Fuad (1994:151) di Semenanjung Malaysia di mana terdapat pendatang asing Indonesia pergi ke tempat tapak pembinaan dan berjumpa dengan orang-orang tertentu yang difikirkan boleh menerima mereka bekerja.

Selain itu, seramai 22.8% responden ini memperolehi pekerjaan hasil bantuan daripada rakan-rakan mana kala 2.9% daripada saudara mara. Bantuan yang diberikan oleh saudara mara ini selalunya dengan memberitahu majikan mereka mengenai kawan atau saudara yang inginkan pekerjaan. Responden yang diterima bekerja adakala diminta menyerahkan *pas kerja* atau *pasport* dan kadang-kadang tidak terutama sekali dalam sektor-sektor pembinaan, perladangan, perkilangan, pembalakan, pelabuhan dan perniagaan. Menurut responden sebahagian daripada majikan tidak begitu mengambil berat tentang status mereka sama ada datang secara tanpa izin atau sah. Semasa mendapat sesuatu pekerjaan, responden hanya diminta memberikan dokumen-dokumen pengenalan diri sama ada *sijil 'territory' Filipina* (kewilayah), *sijil Banci*,⁵ *sijil Ops. Bersih*⁶ dan *dokumen pengenalan diri sementara* dari Pasukan Petugas Khas Persekutuan (PPKP).

Sebagai rumusan, responden ini mendapatkan kerja secara terus dari pihak majikan iaitu sama ada dari usaha sendiri, bantuan rakan-rakan dan saudara mara dan tidak melalui agensi pekerjaan. Bagaimanapun, kesemua mereka bekerja secara tanpa izin. Ini bermakna penguatkuasaan undang-undang dari pihak kerajaan tidaklah begitu

⁵ Sijil Banci yang dikeluarkan oleh *Bahagian Penempatan, Jabatan Ketua Menteri, Sabah*.

⁶ Kad Ops. Bersih yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia, Kontjen Sabah.

berkesan. Kecenderungan para majikan di Sabah menawarkan pekerjaan dan mengambil pekerja asing menggalakkan lagi kemasukan pekerja asing secara haram ke Sabah.

Jika dibandingkan cara pendatang Indonesia memperolehi pekerjaan di Semenanjung Malaysia, pendatang Filipina di Sabah lebih ramai memperolehi kerja melalui usaha sendiri. Keadaan ini berbeza dari Semenanjung Malaysia kerana lebih ramai (67% – 87%) daripada pendatang Indonesia memperolehi kerja melalui bantuan saudara mara dan rakan-rakan seperti yang ditemui dalam kajian Mohd Jefry Poon (1994:86-87), Mohd Fuad Mohd Zawi (1994: 33) dan Junipah Wandi (1995: 140). Bagaimanapun, kajian di beberapa tempat di Semenanjung Malaysia mencapai keputusan yang sama seperti di Sabah seperti kajian Khalid Mazlan (1988:151) dan Ahmad Adli (1997:72) yang mendapati pendatang asing Indonesia lebih ramai memperolehi kerja dari usaha sendiri.

5.5 Pekerjaan Makan Gaji

Dari 56 responden, seramai 35 orang (62.5%) bekerja makan gaji dari pelbagai jenis pekerjaan. Pekerjaan yang biasanya dimasuki adalah sebagai buruh iaitu melibatkan responden seramai 29 orang (82.9%) yang bekerja dalam sektor pembinaan, perkilangan, pelabuhan, perladangan dan pembalakan. Hanya 6 orang (17.7%) responden yang bertugas sebagai pemandu lori, pemandu traktor, pengawal keselamatan, konduktor bas dan pembantu rumah. Gambaran keseluruhan jenis-jenis pekerjaan yang dilakukan oleh responden yang makan gaji ditunjukkan dalam jadual 5.4.

Jadual 5.4
Jenis-Jenis Pekerjaan Responden Dalam Sektor Makan Gaji

PEKERJAAN MAKAN GAJI	BIL.	%	PENDAPATAN BULANAN (RM)						ETNIK MAJIKAN				
			< 200	200- 400	401- 600	601- 800	801- 1000	1001- 1200	>1200	Melayu	Cina	Korea	Filipina
a) Buruh Binaan	20	57.1	-	5	12	1	2	-	-				
- Buruh Kasar (am)	2	10		2		1						1	1
- Tukang Kayu	10	50		1	8		1				9		
- Tukang Peitung	2	10		1							2		
- Tukang Cat	3	15			3						3		
- Tukang Mamar	2	10			1	1					1	1	
- Tukang Cekung	1	5			1						1		
Jumlah	20	100											
b) Buruh Kilang	5	14.3			2	2	1				1	4	
c) Buruh Kastam	1	2.9				1					1		
d) Buruh Ladang	1	2.9						1(3000)			1		
e) Buruh Kem Balak	2	5.7			1	1					1	1	
f) Pemandu Lori	3	8.6				1		2(1300)			3		
g) Pegawai Keseharian	1	2.9			1						3		
h) Konduktor Bas	1	2.9		1							1		
i) Pembantu Rumah	1	2.9	1							1			
JUMLAH	35	100	2	9	14	5	2	0	3	1	29	1	3
											1	1	1

Sumber: Borang Soal Selidik Mei hingga Jun 1996.
Nota: Jumlah responden 56 orang.

5.5.1 Buruh Binaan

Pekerjaan sebagai buruh binaan (57%) merupakan kerja makan gaji yang paling ramai diceburi oleh responden seperti yang ditunjukkan dalam jadual 5.4. Penumpuan responden dalam pekerjaan ini ialah kerana kerja ini mudah didapati terutamanya di bandar Lahad Datu. Kerja-kerja yang dibuat melibatkan pembinaan bangunan.

Buruh binaan ini terbahagi kepada tiga katagori iaitu buruh mahir, separuh mahir dan tidak mahir. Mereka yang terlibat dalam katagori buruh mahir dan separuh mahir biasanya melakukan kerja yang khusus seperti Tukang Kayu, Tukang Peitung (Plaster), Tukang Cat, Tukang Mamar atau bata dan Tukang Cekung. Semasa bekerja mereka akan dibantu oleh buruh tidak mahir yang dipanggil sebagai buruh am. Tugas buruh am merangkumi semua jenis pekerjaan seperti mengangkat pasir, mengangkat batu bata, membancuh simen dan sebagainya.

Mereka yang mempunyai kemahiran tinggi di dalam semua ketagori tukang, biasanya akan dilantik sebagai '*mandur*.' Mandur ini akan bertugas sebagai penyelia ataupun mengarah setiap kerja yang dilakukan oleh buruh mahir, separuh mahir dan tidak mahir. Dari 20 responden yang terlibat dalam pekerjaan sebagai buruh binaan, seramai 10 orang darinya bekerja sebagai tukang kayu, tiga orang tukang cat, dua orang tukang mamar, seorang tukang cekung dan dua orang sebagai buruh am.

Dalam pembayaran upah, kesemua responden menjelaskan mereka dibayar upah berdasarkan jenis kerja yang mereka lakukan dan jumlah hari pekerjaan. Buruh mahir selalunya menerima upah yang lebih dibandingkan dengan buruh separuh mahir dan tidak mahir. Dalam setiap katagori kemahiran ini terdapat juga perbezaan dari segi upah

yang diberikan. Selalunya majikan akan memberikan upah yang lebih kepada pekerja yang telah lama bekerja dengan syarikatnya.

Kadar upah yang paling tinggi diterima oleh responden dalam sektor pembinaan yang bertugas sebagai tukang kayu mahir dan peitung. Mereka yang bekerja lebih dari dua tahun mendapat bayaran antara RM 801 - RM 1000 sebulan (RM 27 - RM 33 Sehari). Buruh separuh mahir yang bekerja lebih dari dua tahun yang bekerja sebagai tukang kayu, tukang peitung, tukang cat, tukang mamar dan tukang cekung menerima upah antara RM 601- RM 800 sebulan (RM 20 - RM 26 sehari). Responden dari ketegori ini yang bekerja kurang dari dua tahun mendapat RM 401 - RM 600 sebulan (RM 13 - RM 20 sehari). Buruh am pula menerima upah sebanyak RM 200 - RM 400 sebulan. Gaji dibayar kepada mereka sebulan sekali iaitu pada hujung bulan. Kesemua wang gaji dibayar dalam bentuk wang tunai.

Dalam sektor binaan ini, lima orang responden bekerja dalam syarikat *Tong Fatt Sdn Bhd* iaitu syarikat yang paling banyak menggaji pendatang Filipina. *Misan Sdn Bhd* pula dimasuki seramai tiga orang responden, mana kala lain-lain syarikat ialah *Jinova Sdn Bhd*, *Tai Peng Enterprise*, *Wong Sui Fui Sdn Bhd* dan syarikat *Permai Sdn Bhd* masing-masing dimasuki seorang responden. Dalam sektor ini juga paling ramai (85%) majikannya adalah terdiri dari kalangan etnik Cina. Hanya sebilangan kecil sahaja dari etnik lain seperti Korea dan Filipina (lihat jadual 5.4).

5.5.2 Buruh Kilang

Dalam sektor ini, seramai 5 orang (14.3%) responden terlibat sebagai buruh di kilang papan, rotan, baja dan kelapa sawit. Responden biasanya melakukan kerja-kerja

sebagai buruh biasa tanpa kemahiran seperti menggergaji papan, mengangkat papan, mengangkat baja, mengangkat rotan dan sebagainya. Gaji yang diterima responden yang bekerja sebagai buruh di kilang kelapa sawit, kilang rotan dan kilang baja ialah antara RM 200 - RM 400 sebulan mana kala bagi yang bekerja di kilang papan antara RM 401 - RM 600 sebulan.

Menurut responden, syarikat tempat mereka bekerja adalah seperti syarikat *Tye Kim Seng Sdn Bhd*, *Pacific Hardwood Sdn Bhd* dan *Harus Gemilang Sdn Bhd* untuk kilang papan, syarikat *Jaya Rotan Sdn Bhd* untuk kilang rotan dan syarikat *Sasco Sdn Bhd* pula untuk kilang baja (lihat jadual 5.5).

5.5.3 Buruh Balak dan Kem Balak

Di Sabah, pekerjaan dalam sektor pembalakan selalunya dianggap oleh orang-orang tempatan sebagai suatu pekerjaan yang memberikan pendapatan yang paling lumayan. Bagaimanapun, pada hakikatnya pekerjaan sebagai buruh di sektor ini terlalu terdedah kepada kemalangan seperti ditimpa balak tumbang, kemalangan semasa mengangkut balak di jalan raya dan sebagainya. Setiap pekerja yang bekerja di sektor ini terpaksa menanggung risiko yang tinggi.

Kajian ini mendapati seramai dua orang (5.7%) responden bekerja sebagai buruh kem balak. Menurut responden kerja-kerja yang selalunya mereka lakukan adalah seperti menebang balak dengan gergaji motor dan mengira batang balak yang disusun. Pendapatan tetap yang diterima oleh pengira batang balak ialah sebanyak RM 800 sebulan mana kala sebagai penebang balak pula sebanyak RM 1,330 sebulan. Kadang-kadang pendapatan mereka bertambah antara RM 1000 – RM 1500 sebulan apabila

Jadual 5.5

Tempat Responden Bekerja Dalam Sektor Formal Di Daerah Lahad Datu

NAMA-NAMA SYARIKAT	BIL	JENIS PEKERJAAN										CARA PERGI KERJA (✓)			Masa Kerja	
		BINA	KLG	KTM	LDG	KEM BLK	Kitor Bas	PMDU LORI	PWL KSLT	Pnd u Trak	PBTU RMM	Jn Kaki	Sewa Bas	Pkt Sykt	Tinggal Kongsi	Mula
MISAN SDN BHD	3	3									3 Km	✓	✓		7 am	5 pm
TONG FATT SDN BHD	5	5									60 km	✓	✓	✓	7 am - 5 pm	
JINOVA SDN BHD	1	1									18 Km	✓			7 am	7 pm
TAI PENG ENTERPRISE	1	1									60 Km	✓		✓	7 am	5 pm
WONG SUI FUJ SDN BHD	1	1									3 Km	✓			7 am	4 pm
PERMAI SDN BHD	1	1									20 Km		✓		7 am	4 pm
JACKY & RICHARD	1							1			2.5 Km		✓		7 am	5 pm
SIHABAT SDN BHD	1							1			45 Km		✓		8 am	5 pm
KINT SDN BHD	1							1			25 Km	✓	✓		7 am	5 pm
STANDARD CHARTERD BANK	1							1			1 Km	✓			7 am	5 pm
PACIFIC HARDWOOD SDN BHD	1							1			19 Km	✓			7 am	6 pm
SYKT.PERTANIAN GUAN SENG	1										4.5 Km	✓			8 am	5 pm
SASCO SDN BHD	3		1	1				1			3.2 Km	✓			8 am - 5 pm	
HARUS GEMILANG SDN BHD	1							1			30 Km	✓			7 am	4 pm
MILAWAR SDN BHD	1										60 Km		✓		7 am	5 pm
SYKT.JAYA ROTAN SDN BHD	1										6 Km	✓			8 am	5 pm
MASEH JAYA SDN BHD	1										100 Km		✓		7 am	5 pm
KEM TAN (PERSEORANGAN)	1										1 Km	✓			2 pm	4 pm
TIDAK TAHU NAMA SYARIKAT	9	8									1 - 40 Km	✓	✓	✓	7.am	- 6.00
JUMLAH	35	5	1	1	2	1	2	1	0	1	-	-	-	-	-	-

SUMBER: Borang Soal Selidik Mei limgea Jun 1996

Note: Bil. responden 56 orang. Singkatan: Bina (buruh binaan), Ksl (buruh kilang), Kstn (buruh kastam), Ldg (buruh ladang), Blk (buruh kembang), Pwt (buruh kembang belak), Pwt Ksl (pengawal keselamatan), Pbt Rmh (pembantu Rumah) dan Krt Bas (konduktor bas). Pndu Trkr (pemandu Traktor).

menerima bayaran bonus dan kerja 'overtime'. Syarikat tempat mereka bekerja di kem balak adalah syarikat *Jackey & Richard, Sihabat Sdn Bhd* dan *Kint Sdn Bhd*.

5.5.4 Lain-Lain

Selain dari itu, responden ini juga bekerja di pelabuhan, dalam sektor kewangan, pengangkutan, perladangan dan sebagai pembantu rumah. Bagaimanapun, kerja yang disandang oleh responden hanya sebagai buruh misalnya sebagai buruh kastam, buruh ladang, pengawal keselamatan, konduktor bas, pembantu rumah dan tiga orang pula sebagai pemandu lori. Hanya seorang sahaja daripada mereka dilantik sebagai mandur dalam sektor perladangan (lihat jadual 5.4).

Bagi pekerjaan sebagai buruh kastam, responden menerima upah antara RM 601-RM 800 sebulan. Upah ini adalah lebih tinggi daripada buruh kilang kerana responden yang bekerja dalam sektor ini diberikan upah secara komisen dan pajak. Misalnya mengangkat baja dari kilang ke kontena kapal dibayar sebanyak lima sen seguni. Biasanya dalam sehari responden akan dapat mengangkat kira-kira 400-500 guni baja dan mendapat bayaran sebanyak RM 20 - RM 25 sehari. Buruh kastam ini ditugaskan untuk mengangkat baja dari kilang *Sasco Sdn Bhd*.

Kerja sebagai pemandu kenderaan berat di sektor pembalakan dan perkilangan, serta sebagai mandur ladang kelapa sawit memberikan pendapatan yang paling tinggi kepada responden. Mereka menerima pendapatan antara RM 1,300 - RM 3,000 sebulan. Bagaimanapun, pekerjaan ini dilakukan oleh pendatang Filipina yang telahpun menerima kerakyatan Malaysia. Mereka bekerja untuk syarikat-syarikat seperti *Sasco Sdn Bhd*, *Harus Gemilang Sdn Bhd* dan *Tye Kim Seng Sdn Bhd*. Seorang responden yang bekerja

sebagai mandur di ladang kelapa sawit di kawasan FELDA Sahabat 16 di daerah Lahad Datu menerima pendapatan sebanyak RM 3,000 sebulan. Beliau digaji oleh syarikat *Maseh Jaya Sdn Bhd*.

Pekerjaan makan gaji seterusnya ialah sebagai pengawal keselamatan, konduktor bas dan pembantu rumah. Upah yang diberikan dalam pekerjaan ini adalah rendah. Responden yang bekerja sebagai pengawal keselamatan di Standard Charterd Bank, menerima upah sebanyak RM 400 sebulan, mana kala konduktor bas dan pembantu rumah pula menerima upah kurang RM 200. Namun pembantu rumah ini hanya bekerja dalam dua jam sehari iaitu dari dua petang hingga empat petang membasuh pakaian majikannya. Bagaimanapun, responden yang terlibat dalam pekerjaan ini mempunyai pekerjaan lain yang dilakukan secara sambilan seperti yang akan dibincangkan lebih lanjut dalam bahagian 5.6.

Dari segi etnik majikan, sebilangan besar sektor pekerjaan makan gaji ini dimonopoli oleh majikan dari etnik Cina (82.9%) dan selebihnya Filipina, Melayu, Melayu & Cina dan Korea. Seorang sahaja daripada mereka tidak memberitahu etnik majikan mereka. Kajian ini mendapati ada etnik Filipina telah menjadi majikan dan mampu mengupah pekerja, terutamanya dalam bidang kerja sebagai buruh binaan, buruh kem balak dan konduktor bas. Bagaimanapun, dua daripada responden tidak tahu nama syarikat tempat mereka bekerja (lihat jadual 5.5).

Jarak tempat kerja responden adalah tidak sama. Ada di kalangan responden yang bekerja sejauh satu Kilometer dari tempat tinggal dan ada pula yang bekerja dalam lingkungan 18 hingga 120 Kilometer. Responden yang tinggal berdekatan iaitu 1-1.5 Kilometer dengan tempat kerja biasanya pergi ke tempat kerja hanya berjalan kaki

sahaja. Yang lain-lainnya dari 2-19 Kilometer pula berulang-alik ke tempat kerja sama ada menaiki bas ataupun pengangkutan yang disediakan oleh majikan mereka. Responden yang tinggal dengan jarak melebihi 20 hingga 120 Kilometer dari tempat tinggal tidak menggunakan apa-apa pengangkutan untuk pergi ke tempat kerja; mereka terpaksa tinggal di kongsi yang dibina berdekatan dengan tempat pekerjaan (lihat Jadual 5.5).

Masa pekerjaan dalam sektor formal ini adalah berbeza-beza. Paling ramai responden memulakan pekerjaan pada jam tujuh pagi dan habis kerja pada jam lima petang. Bagaimanapun, ada juga yang bermula lewat sama ada jam lapan atau jam sembilan pagi dan berakhir sama ada jam empat atau enam petang. Malah ada yang tamat kerja pada jam tujuh petang kerana mengambil kerja lebih masa.

5.6 Kerja Sendiri Atau Kerja Informal

Kerja informal merupakan kegiatan penting di kalangan pendatang asing tanpa izin di Sabah. Pekerjaan ini bukan sahaja dianggap sebagai kerja yang mudah diceburi bahkan menjadi sumber utama untuk menambahkan pendapatan. Aktiviti-aktiviti kerja informal ini selalunya dijalankan di kawasan bandar yang berhampiran dengan tempat tinggal dan ada juga yang dijalankan di kawasan persekitaran tempat tinggal mereka. Biasanya kerja-kerja informal yang disertai di kawasan bandar ialah aktiviti bermiaga atau menjaja. Aktiviti-aktiviti ini dilakukan sama ada secara sah ataupun secara haram iaitu tanpa lesen atau permit bermiaga. Kajian ini mendapati kerja-kerja informal yang dilakukan oleh pendatang Filipina di Kampung Bakau adalah seperti kerja bermiaga; berkebun; menjadi pemandu teksi, nelayan, pengangkat barang, tukang kayu, tukang cat dan bomoh (lihat jadual 5.6).

Jadual 5.6
Pendapatan Dalam Sektor Informal

JENIS KERJA SENDIRI (SEPUHUH MASA)	BIL	%	PENDAPATAN SEBULAN (RM)					
			<200	200- 400	401- 600	601- 800	1001- 1200	>1200
BERNIAGA	14	70	#	#	#	#	#	#
BERKEBUN	2	10		2				
BOMOH	1	5			1			
PEMANDU TEKSI	1	5						1
NELAYAN	1	5	1					
MENGANGKAT BARANG	1	5		1				
JUMLAH	20	100	1	3	1	-	-	1

SUMBER: Soal Selidik **Pada Mei Hingga Jun 1996.**

Nota: 56 orang Responden, 35 orang bekerja makan gaji, Simbol (#)= Rujuk jadual 5.7.

5.6.1 Berniaga

Perniagaan merupakan kerja sendiri yang paling utama kepada pendatang asing Filipina khususnya mereka di kawasan bandar. Jadual 5.6 menunjukkan seramai 14 orang responden yang bekerja sendiri adalah peniaga sepenuh masa. Di samping peniaga penuh masa ini terdapat lapan orang lain yang berniaga secara sambilan. Mereka terlibat dengan berbagai jenis perniagaan seperti peniaga runcit, menjaja rokok atau minuman, menjual ikan segar, menjaja barang runcit, menjual ikan masin, menjual sayur-sayuran atau buah-buahan, menyewakan letrik, menjual air pili dan membuka kedai jahit dan emas (lihat jadual 5.7(a) dan 5.7 (b)).

a) Berniaga Runcit Kecilan

Berniaga runcit ini melibatkan responden seramai 22 orang iaitu 14 orang (63.6%) menjalankan secara sepenuh masa dan 8 orang (36.4%) secara sambilan. Mereka menjual barang keperluan dapur seperti gula, garam, tepung, beras, minyak masak,

Jadual 5.7 (A)
Jenis Perniagaan Responden Mengikut Pendapatan Dan Tempat Berniaga

JENIS PERNIAGAAN	BIL. (KERJA PENUH MASA)	% BIL. (KERJA PENUH MASA)	BIL. SAMBILAN	% JUMLAH	%	PENDAPATAN BULANAN (RM)				TEMPAT-TEMPAT BERNIAGA			
						<200	200- 400	401- 600	601- 800	801- 1000	TEMPAT KAJIAN	KG. PUYUT	BDR LAHAD DATU
BERNIAGA RUNCIT	2	14.3	1	12.5	3	13.6			2	1		3	
MENJAJA ROKOK / MINUMAN	-		1	12.5	2	9.1			1				1
MENJAJA IKAN SEGAR	2	14.3			2	9.1			2		1		1
MENJAJA (Barangan Runcit)	2	14.3	4	50	6	27.3			6				6
MENJUAL IKAN MASIN	2	14.3	1	12.5	3	13.6			2	1			3
JUAL AIR / SEWA LETRIK	1	7.1			1	4.5			1				
MENJAJA SAYUR & BUAHAN	2	14.3			2	9.1			2		1		1
TUKANG JAHIT	1	7.1			1	9.1			1				1
TUKANG EMAS	1	7.1			1	9.1			1				1
RUNCIT + MEMBUAT BEG			1	12.5	1	9.1			1				
M'JAJA SAYUR + T.RUMPAIR	1	7.1			1	9.1			1				1
JUMLAH	14	100	8	100	22	100	0	15	6	1	0	6	2
												13	1

SUMBER: Soal Selidik antara Mei hingga Jun 1996. Nota: Bilangan responden 56 orang. Seramai 35 daripada responden ini bekerja makan gaji dan 20 orang yang bekerja sendiri.

makanan dalam tin, rokok, makanan ringan, minuman, biskut, bawang dan sebagainya. Oleh kerana, semua kedai runcit ini dibina di Kampung Bakau, maka jualan barang-barang runcit ini biasanya dibeli oleh penduduk kampung sendiri.

Adanya kedai-kedai runcit di kawasan kampung sebenarnya memberikan kemudahan penduduk setempat untuk membeli barang-barang keperluan harian. Penduduk kampung tidak perlu lagi pergi ke bandar Lahad Datu untuk membeli barang-barang keperluan. Menurut responden ramai dari kalangan pendatang tanpa izin Filipina di kampung ini lebih suka membeli barang-barang di kedai runcit di sekitar kampung berbanding di bandar Lahad Datu. Ini disebabkan mereka cuba mengelakkan diri dari ditangkap oleh polis apabila keluar membeli belah di bandar. Kebanjiran kemasukan pendatang tanpa izin Filipina di Kampung Bakau ini dirasakan oleh peniaga-peniaga runcit di kampung itu sebagai rahmat kerana pelanggan-pelanggan yang membeli di kedai runcit mereka juga bertambah.

Seramai tiga orang responden yang berniaga runcit mendirikan pondok kedai mereka bersaiz kira-kira 12 kaki lebar hingga 15 kaki panjang bersebelahan dengan rumah di tempat tinggal mereka. Dari segi pemilikan lesen hanya seorang daripada responden yang mempunyai lesen perniagaan. Beliau ini adalah pendatang Filipina yang telah mendapat taraf kewarganegaraan Malaysia. Dua yang lain pula tidak mempunyai lesen dan berniaga secara haram (lihat jadual 5.7 (b)).

Modal yang biasa digunakan oleh responden untuk memulakan perniagaan runcit adalah antara RM 200 hingga 600 sahaja. Kesemua responden memperolehi modal dari wang sendiri. Kos modal perniagaan ini agak kecil kerana pada mulanya perniagaan

JADUAL 5.7 (b)
Cara Perniagaan Dijalankan Oleh Responden

JENIS PERNIAGAAN	BIL	LESSEN PERNIAGAAN			PEMBANTU			MODAL PERNIAGAAN			BERI MODAL			BAHAN MENTAH DIPEROLEHI (Etnik)			CARA BELI (✓)		ORANG BELI (✓)				
		A	T	TJ	S	Org Gaji	Kelu- arga	<200	200- 400	401- 600	601- 800	>800	Sen- diri	Pin- Jam	Filip in +Cina	Cina	Melayu in + Cina	Tu- nai	Kredit	Pddk Kg.	Awm		
BERNIAGA RUNCIT	3	1	2				3	2	1				3			3			✓	✓	✓		
MENAJA (rokok/min.)	1			1			1					1			1				✓	✓	✓		
MENAJA IKAN (Segar)	2	1	1			1	1	1	1			2					1	1	✓	✓	✓		
MENAJA (brg runcit)	6		6			1	2	4				4	2	2	2	2			✓	✓	✓		
MENAJA IKAN MASIN	3	1	2			1				1	1	2				3			✓	✓	✓		
JUAL AIR / LETRIK	1		1			1			1		1								✓	✓	✓		
TUKANG EMAS	1	1									1	1				1			✓	✓	✓		
TUKANG JAHIT	1		1			1			1			1			1			1	✓	✓	✓		
MJAJA S+B	2		1	1				2	2			2			1				✓	✓	✓		
RUNCIT + BEG	1		1								1			1					✓	✓	✓		
MJAJA SAYUR+ R'AIR	1			1								-											
JUMLAH	22	4	2	15	1	2	9	6	8	3	2	1	18	2	3	9	6	6	2				

SUMBER: Soal Selidik antara Mei hingga Jun 1996. Nota: 56 orang Responden, 35 daripada responden ini bekerja makan gaji dan 33 orang yang bekerja sendiri.

Simbol: A=Ada, T=Tiada, TJ= Tiada Jawapan, S=Sewa

MJAJA S+B bermaksud menjaja sayur dan buah.

selalunya diusahakan secara kecil-kecilan misalnya dengan menjual barang-barang makan ringan, minuman, kuih muih, sayur-sayuran dan rokok.

Pada tahap awal ini responden tidak perlu menyediakan pondok kedai tetapi hanya menyediakan meja tempat menyimpan atau menyusun barang. Kemudian secara beransur-ansur perniagaan ini berkembang sehingga melebihi kos antara RM 1000 hingga RM 1500. Sementara itu, mereka memperolehi sumber bekalan barang-barang daripada peniaga Cina yang berada di bandar Lahad Datu. Biasanya mereka membeli bekalan ini dengan harga lebih murah dari harga pasaran. Namun pembelian mestilah banyak dan secara tunai. Menurut responden, adakalanya sebahagian daripada tauke-tauke Cina ini sanggup membekalkan barang secara kredit. Ini bertujuan agar responden berterusan membeli bekalan barang-barang runcit daripada mereka.

Dari segi jualan barang pula, kesemua barang niaga mereka dibeli oleh penduduk kampung secara tunai. Dalam masa sehari, selalunya mereka akan mendapat jualan antara RM 20 hingga RM 30. Bagaimanapun, dari segi pendapatan setelah di hitung untung bersih, seramai dua orang responden mengatakan mereka memperolehi pendapatan antara RM 200 - RM 400 sebulan dan seorang pula memperolehi antara RM 401 - RM 600 sebulan. Dalam menjalankan perniagaan ini, responden dibantu oleh ahli-ahli keluarga.

b) Menjaja Minuman dan Rokok

Seramai seorang (4.5%) responden terlibat dalam aktiviti menjaja rokok dan minuman dan beliau menjalankan aktiviti ini secara sambilan dan tanpa lesen. Jenama rokok yang dijual oleh responden berasal dari negara luar misalnya '*Champion*' dari Filipina mana kala '*Suria*' dan '*Gudang Garam*' dari Indonesia. Beliau menjaja rokok ini

dalam dua cara. Pertamanya disandang dalam beg pinggang yang dibawa ke mana-mana semasa mencari pelanggan. Jumlah kotak rokok yang dijual adalah sedikit iaitu antara 5 hingga 10 kotak dengan berlainan jenama. Cara kedua pula, rokok-rokok ini disusun di atas kotak yang diletakkan di tepi-tepi kaki lima bangunan kedai dengan jumlah antara 10 hingga 15 kotak. Biasanya rokok-rokok ini, merupakan barang yang dibawa masuk secara seludup ke Sabah dan dijual dengan harga antara RM 1.00 hingga RM 1.80 sen sekotak dan 10 sen sebatang.

Di samping menjual rokok, ada juga penjaja seperti ini yang menjual minuman tin seperti '*Coke*', '*Sarsi*', '*Orange*', '*Sprite*' dan beberapa jenama minuman kotak dengan harga seringgit. Minuman ini selalunya dibawa dalam bekas yang diisi dengan ais dan ditunda atas kereta sorong ke mana-mana tempat di bandar Lahad Datu semasa mencari pelanggan. Jumlah minuman kotak atau tin yang dijual dalam satu-satu masa ialah antara 15 hingga 24 tin (satu pek minuman). Biasanya jika barang-barang jualan mereka habis dijual mereka akan membeli bekalan tambahan serta merta dari peniaga Cina untuk barang-barang minuman dan peniaga Filipina untuk rokok. Rokok ini biasanya adalah barang seludup dari negara Filipina (jenama Champion) dan Indonesia (jenama Gudang Garam dan Suria).

Modal permulaan yang biasa digunakan oleh responden adalah antara RM 50- RM 100 untuk jualan rokok dan RM 150 - RM 250 untuk minuman. Oleh kerana kos modal yang rendah maka mereka tidak perlu meminjam wang daripada sesiapa. Pendapatan yang diperolehi dari aktiviti menjaja rokok dan minuman ini ialah antara RM 200-400 sebulan (lihat jadual 5.8(a)).

Berdasarkan pemerhatian pengkaji di sekitar bandar Lahad Datu, aktiviti-aktiviti menjaja rokok dan minuman ini bukan sahaja dijalankan oleh golongan dewasa bahkan

melibatkan kanak-kanak yang berumur dalam lingkungan antara 7 hingga 13 tahun. Golongan ini biasanya lebih ramai berbanding dengan orang-orang dewasa. Malah ada juga dari kalangan kanak-kanak ini menjalankan aktiviti tersebut semata-mata membantu ibu bapa mereka menjaja rokok dan minuman.

c) Menjaja Barang Runcit

Penjajaan barang runcit juga dijalankan oleh pendatang tanpa izin Filipina di bandar Lahad Datu dan kegiatan ini diusahakan secara haram. Modal permulaan yang selalunya digunakan untuk perniagaan ini adalah antara RM 200 - RM 400 iaitu untuk membeli kereta tolak dan bekalan barang jualan. Menurut responden mereka biasanya menggunakan wang simpanan sendiri untuk modal permulaan.

Biasanya barang yang dijual adalah dalam pelbagai jenis misalnya barang jenis peralatan dapur seperti pinggan mangkuk dan sudu, sabun, ubat gigi, bawang, selipar, alat solek dan sebagainya. Barang-barang ini diletakkan dalam sebuah kereta tolak yang dibawa dari tempat tinggal di Kampung Bakau. Seramai 6 orang (27.3%) responden terlibat dalam pekerjaan menjaja barang runcit.

Sumber bekalan barang jualan dibeli secara tunai dari peniaga Filipina ataupun peniaga Cina dan Melayu. Biasanya mereka akan berniaga di sekitar bandar Lahad Datu di kaki lima bangunan kedai. Orang-orang yang membeli barang jualan mereka adalah orang awam termasuk pendatang Filipina. Pendapatan bersih yang diperolehi oleh responden tidak menentu iaitu antara RM 200 - RM 400 sebulan.

d) Menjaja Ikan Segar

Pekerjaan menjaja ikan segar juga diceburi oleh pendatang Filipina di Lahad Datu. Seramai dua orang (9.1%) responden terlibat dalam pekerjaan ini secara penuh masa. Selalunya timbul isu-isu penyalahgunaan lesen-lesen perniagaan di kalangan peniaga. Seorang dari responden ini menjalankan aktiviti menjual ikan secara berlesen mana kala seorang pula tidak. Untuk memulakan kerja menjual ikan, biasanya responden menanggung modal antara RM 150 hingga RM 400. Mereka mengambil bekalan ikan ini dari nelayan-nelayan di Lahad Datu sama ada Cina ataupun orang Filipina secara tunai. Aktiviti ini dijalankan di bandar Lahad Datu dan ikan-ikan dibeli oleh orang awam dengan cara tunai. Pendapatan yang diperolehi dari aktiviti ini antara RM 401- RM 600 sebulan.

e) Menjaja Ikan Masin

Seramai 3 orang (13.6%) responden di Kampung Bakau terlibat dengan aktiviti menjual ikan masin. Seorang responden yang terlibat memiliki permit berniaga dari pihak Majlis Daerah Lahad Datu (MDLD), mana kala dua orang yang lain pula tidak mahu menjelaskan sama ada mereka ada permit atau tidak. Perniagaan dijalankan di pasar Lahad Datu dan modal permulaan biasanya dikeluarkan sendiri oleh responden berjumlah antara RM 401- RM 800. Bekalan ikan masin pula dibeli secara tunai daripada pengusaha-pengusaha Melayu dan Filipina yang datang dari daerah Semporna, Kunak ataupun Tawau. Kebanyakan jualan ikan masin ini dibeli oleh orang awam.

Kadar pendapatan yang diperolehi antara RM 200 hingga RM 600 merupakan untung bersih yang diterima setiap bulan. Sementara itu, terdapat seorang daripada

responden yang menjual ikan masin secara komisen iaitu menerima sebanyak 10% dari hasil jualan. Bagaimanapun, beliau hanya bermiaga secara sambilan pada hari Sabtu dan Ahad. Kadang-kadang pendapatan beliau menjangkau kira-kira RM 500 sebulan.

f) Menjual Air dan Menyewakan Lektrik

Oleh kerana Kampung Bakau merupakan kawasan penempatan pendatang tanpa izin Filipina, maka tidak ada kemudahan air dan api disediakan. Hanya kira-kira 30% rumah penduduk di sana mendapat kemudahan api dan air dan mereka ini terdiri dari pendatang Filipina yang telah mendapat taraf kewarganegaraan yang telah menetap lama di sana.

Kebanjiran kemasukan pendatang Filipina di Kampung Bakau menyebabkan permintaan terhadap bekalan air dan api meningkat. Keadaan ini mendorong mereka yang menerima kemudahan api dan air untuk menjual air dan menyewakan lektrik. Kajian ini mendapati seramai seorang responden terlibat sepenuh masa dalam pekerjaan menjual air dan menyewakan api letrik.

Penjual air hanya memerlukan modal permulaan untuk membeli tangki air berharga antara RM 250 - RM 350 sebuah. Selalunya responden yang menjual air menyediakan dua buah tangki bernilai antara RM 600 - RM 800. Segelen air dengan isi kandung sebanyak empat liter (gelen kecil) biasanya dijual dengan RM 1. Kebanyakan air yang dibeli penduduk kampung ini adalah untuk tujuan keperluan minum dan memasak. Dalam sehari responden yang menjual air memperolehi jualan antara RM 20 - 27 dan pendapatan bersih bulanan antara RM 401 - RM 600.

Responden yang menyewakan api letrik, tidak perlu menyediakan modal dan hanya perlu membayar api letrik kepada kerajaan antara RM 50 hingga RM 150 sebulan. Setiap pelanggan yang menyewa mesti menyediakan peralatan seperti wayar dan 'soket' atau 'plug' untuk menyambung api letrik dari terminal elektrik di rumah responden ke rumah pelanggan. Biasanya, responden yang terlibat dengan pekerjaan menyewakan api letrik mendapat pelanggan antara 4 hingga 10 orang. Kebanyakan pelanggan mereka ini tinggal berdekatan dengan rumah responden.

Sebenarnya aktiviti penyewakan elektrik di Kampung Bakau melibatkan penyambungan haram dan pencurian elektrik. Penyambungan dibuat secara tidak mengikut peraturan serta tidak selamat dan boleh menyebabkan kebakaran dan kemalangan jiwa. Dalam hal ini, biasanya tuan rumah yang mempunyai bekalan elektrik menyambungkan secara haram dari rumah mereka ke rumah pelanggan dan meminta bayaran tertentu bergantung pada alat elektrik yang digunakan seperti lampu, televisyen, pam air dan lain-lain. Mereka mendapat keuntungan dari cara ini kerana biasanya kadar bayaran yang dikenakan adalah tinggi. Contohnya setiap lampu, televisyen, peti sejuk dan mesin basuh masing-masing dikenakan sewa bulanan sebanyak RM 10. Kebiasaan penduduk kampung yang menyewa api letrik akan membayar kadar sewa yang paling tinggi sebanyak RM 60 sebulan.

g) Menjaja Sayur Dan Buah-Buahan

Seorang responden pula menjual sayur dan buah-buahan. Jenis sayur yang selalunya dijual kepada penduduk Kampung Bakau adalah seperti sayur bayam, kobis, timun, terung, petula dan kacang panjang. Sementara jenis-jenis buah pula seperti buah mangga, langsat, rambutan kelapa dan sebagainya.

Menurut responden, penaja mendapatkan bekalan sayur dan buah-buah ini dari pemborong Melayu dan Cina di Pasar Lahad Datu ataupun pemborong luar sama ada dari Tawau, Ranau dan Sandakan dan sebahagian lagi dari Filipina. Dalam memulakan perniagaan, modal yang selalu digunakan oleh responden antara RM 100 hingga RM 180 sehari semata-mata untuk membeli bekalan jualan. Bagaimanapun, ada juga dari mereka menjual sayur-sayuran ini mendapat bekalan sayur-sayuran dari kebun sendiri. Responden memperolehi modal dari simpanan sendiri. Dari hasil jualan ini, responden memperolehi pendapatan bersih antara RM 200 - RM 400 sebulan.

h) Tukang Jahit

Seorang daripada responden di Kampung Bakau pula bekerja sebagai tukang jahit. Antara jahitan pakaian yang selalunya ditempah adalah seperti baju kurung, baju Melayu, baju kemeja, seluar panjang dan mengubahsuai pakaian. Harga bagi setiap tempahan jahitan bergantung kepada rundingan dengan pelanggan, misalnya untuk membuat baju Melayu dan baju Kurung responden meletakkan harga antara RM 25 hingga RM 35 sepasang, mana kala mengubahsuai seluar *jeans* sebanyak RM 3 - RM 7 sepasang. Dalam pekerjaan ini, responden telah mengupah seorang pembantu dengan upah RM 350 sebulan.

Modal permulaan digunakan oleh responden sebagai tukang jahit ini adalah sebanyak RM 2500 untuk membeli dua mesin jahit dan menyediakan meja ukur. Responden ini menyewa kedai yang dibina di atas air sebanyak RM 60 sebulan yang berkedudukan berdekatan dengan Kampung Panji yang dikenali sebagai '*kedai gantung*'. Sebelum bekerja sendiri sebagai tukang jahit, responden ini belajar dan mendapat pengalaman semasa bekerja sebagai pembantu di kedai tukang jahit Cina di bandar Lahad Datu. Menurut responden, sumber bekalan kain dan benang pun semuanya diperolehi dari

bekas majikannya dahulu. Oleh kerana bekas majikannya telah lama mengenali dirinya, maka responden ini diberikan kepercayaan mendapat sumber bekalan kain dan benang murah dengan bayaran secara kredit.

Kebanyakan orang yang datang menempah jahitan terdiri dari penduduk Kampung Bakau dan juga orang awam di daerah Lahad Datu. Biasanya tempahan dibayar sama ada secara tunai ataupun kredit. Pendapatan bersih bulanan yang biasa diperolehi oleh responden adalah antara RM 401 hingga RM 600. Apabila tiba musim perayaan seperti Hari Raya Puasa pendapatan meningkat lebih dari RM 2,000.

i) **Tukang Emas (Membaiki Emas)**

Pekerjaan ini juga dijalankan oleh seorang responden di koridor rumah Kampung Puyut. Kemahiran sebagai tukang emas ini diperolehi oleh responden semasa bekerja di kedai tukang emas di Filipina dahulu. Sebelum membuka kedai membaiki emas sendiri di Kampung Puyut, beliau juga pernah bekerja di kedai tukang emas Cina di bandar Lahad Datu. Kini perniagaannya dijalankan secara sah kerana beliau mempunyai lesen perniagaan yang dikeluarkan oleh pihak Majlis Daerah Lahad Datu.

Modal perniagaan yang digunakan responden ini semasa membuka perniagaan adalah sebanyak RM 1,600 dari wang simpanan responden. Bekalan bahan mentah diperolehi daripada tauke Cina di Lahad Datu iaitu bekas majikannya. Bekalan-bekalan ini dibeli secara tunai dan kredit. Biasanya pelanggan yang datang membaiki dan mencuci barang-barang emas adalah terdiri daripada penduduk kampung. Biasanya kadar upah yang dikenakan antara RM 10 hingga RM 20. Pendapatan yang diterima responden yang

menjalankan pekerjaan sebagai tukang emas ini adalah antara RM 601 hingga RM 800 sebulan.

5.6.2 Pemandu Teksi

Pekerjaan sebagai pemandu teksi juga dilakukan oleh pendatang Filipina di Kampung Bakau. Bagaimanapun, responden yang terlibat dengan pekerjaan ini adalah terdiri daripada pendatang Filipina yang telah mendapat taraf kewarganegaraan. Kajian ini mendapati seorang (5%) daripada responden ini bekerja sebagai pemandu teksi sepenuh masa (lihat Jadual 5.6).

Menurut responden pemandu teksi Filipina seperti beliau tidak memiliki kereta sendiri dan menyewa teksi daripada syarikat teksi ataupun orang perseorangan di Lahad Datu dengan kadar RM 60 sehari. Bagaimanapun, ada juga sebahagian daripada pemandu-pemandu teksi yang menyewa kereta dengan dikenakan syarat setiap pendapatan harian dibahagikan kepada dua. Biasanya responden memandu teksi dari jam 6 pagi sehingga jam 11 malam di sekitar bandar Lahad Datu. Pekerjaan sebagai pemandu teksi tidaklah memerlukan modal yang tinggi kerana responden hanya memerlukan wang sewa kereta dan minyak untuk membawa teksi. Pendapatan bersih yang diperolehi dalam masa sehari antara RM 40 hingga RM 50 iaitu antara RM 1,000 - RM 1,500 sebulan.

5.6.3 Berkebun

Selain dari itu, responden juga terlibat dalam kegiatan pertanian seperti berkebun. Oleh kerana pekerjaan ini tidak memberikan pendapatan yang tinggi, responden yang telibat dengan pekerjaan ini terpaksa menjalankan kerja sambilan yang lain misalnya sebagai tukang kayu ataupun nelayan.

Kajian ini mendapati hanya seramai dua orang responden terlibat dengan pekerjaan berkebun (lihat Jadual 5.6). Mereka terdiri dari orang yang berumur antara 55 dan 60 tahun yang telah bersara dari sektor pembinaan. Kegiatan ini bukan dijalankan di tanah yang dimiliki sendiri tetapi dijalankan secara haram di tanah-tanah kosong yang dimiliki sama ada oleh pihak kerajaan ataupun perseorangan yang terletak di pinggir kawasan kampung ataupun di Pulau Sakar Lahad Datu. Biasanya jenis tanaman yang diusahakan di kebun-kebun mereka seperti ubi kayu, pisang, jagung, sayur-sayuran seperti sawi, timun, petula, dan sebagainya. Hasil-hasil tanaman ini bukan untuk dijual tetapi untuk keperluan sendiri. Pendapatan bulanan dari kerja berkebun ini adalah antara RM 200 - RM 400. Bagaimanapun, kerja berkebun ini hanya memberikan pendapatan setelah tanaman-tanaman mereka mengeluarkan hasil dan matang.

5.6.4 Nelayan

Hanya seorang sahaja daripada responden bekerja sebagai nelayan biasa. Beliau dan pendatang Filipina lain yang terlibat dengan pekerjaan ini menumpang atau bekerja dengan nelayan-nelayan yang miliki bot dan peralatan menangkap ikan yang bertindak sebagai juragan (ketua) perahu. Aktiviti nelayan yang dilakukan adalah seperti memancing, memukat dan meletupkan 'bom' ikan. Responden yang terlibat sebagai nelayan biasa selalunya memperolehi pendapatan kira-kira RM 130 sebulan. Namun kerja sebagai nelayan ini adalah merbahaya dan pendapatan adalah tidak menentu. Pada musim tengkujuh atau musim tiada ikan, mereka langsung tidak memperolehi pendapatan dan kerap terdedah kepada keadaan laut yang merbahaya. Menurut responden, mereka juga sering menerima ancaman lanun di laut yang merampas peralatan menangkap ikan termasuk injin bot dan perahu.

5.6.5 Lain-lain

Lain-lain pekerjaan sendiri yang diusahakan oleh tiga responden adalah sebagai bomoh, tukang cat, tukang kayu dan mengangkat barang-barang. Pekerjaan sebagai *bomoh* dilakukan sepenuh masa oleh seorang responden yang mempunyai kemahiran dalam ilmu kebatinan untuk mengubati penyakit tertentu. Biasanya responden ini didatangi sama ada oleh penduduk Kampung Bakau ataupun lain-lain kampung untuk meminta rawatan penyakit yang biasanya tidak berjaya dirawat di klinik ataupun hospital misalnya penyakit dipanggil oleh orang tempatan sebagai '*penyakit buatan orang*'.⁷ Bayaran yang selalunya diberikan kepada bomoh dalam bentuk sedekah, tidak tetap dan bergantung kepada orang yang memberinya iaitu antara RM 10 hingga RM 50 sehari. Kadang-kadang dalam masa sehari, responden ini tidak mempunyai pesakit

Kerja sebagai tukang kayu dan tukang cat juga dilakukan secara sendiri oleh seorang responden. Bagaimanapun, setiap pengendalian kerja adalah sama seperti mereka yang bekerja dalam sektor makan gaji. Hanya yang berbeza adalah cara pembayaran gaji dan mendapatkan kontrak. Bagi kerja yang dilakukan sendiri, biasanya tukang cat dan kayu ini akan menyiapkan kerja mereka dengan dibayar upah secara kontrak, misalnya responden akan dibayar upah antara RM 800 - RM 1500 sekiranya dapat menyiapkan kerja mengecat rumah. Ataupun responden ini akan dibayar upah harian antara RM 15 - RM 18 sehari untuk membina atau menambah bilik. Kadar pendapatan bulanan sebagai tukang kayu dan cat ini adalah antara RM 200 - RM 400. Biasanya mereka mendapat kontrak daripada penduduk Kampung Bakau atau penduduk kampung lain yang terdiri dari orang-orang tempatan dan pendatang tanpa izin Filipina.

⁷

Melibatkan kuasa magis, ilmu ghaib atau sihir.

Kerja sendiri yang lain dilakukan responden ialah mengangkat barang-barang iaitu kerja yang sama seperti yang dilakukan oleh buruh makan gaji di pejabat kastam. Bagaimanapun, responden yang terlibat dengan kerja ini tidak mempunyai majikan tertentu. Mereka hanya datang ke pelabuhan ataupun kastam untuk mengambil upah secara komisen mengangkat barang seperti baja (lihat bahagian 5.5.2). Biasanya kerja ini mendapat pendapatan bulan antara RM 200 - 400 sebulan. Pendapatan dalam sektor pekerjaan sendiri ini adalah lebih rendah berbanding dengan kerja buruh kastam makan gaji kerana responden yang bekerja sendiri ini hanya memperuntukkan sedikit masa antara 4 hingga 5 jam sehari berbanding dengan kerja makan gaji biasanya berlangsung selama 10 hingga 12 jam sehari. Bagaimanapun, selalunya responden yang telibat dalam pekerjaan mengangkat barang-barang di pejabat kastam secara sendiri ini mempunyai kerja sambilan untuk menambah pendapatan.

Semasa melakukan tinjauan di daerah Lahad Datu, pengkaji juga mendapat sedikit maklumat tentang aktiviti pelacuran yang tidak melibatkan responden. Kebanyakan aktiviti ini dilakukan oleh wanita Filipina yang terdiri dari etnik Visayas dari kalangan remaja yang berusia antara 16 hingga 25 tahun. Mereka beroperasi sama ada secara persendirian ataupun melalui bapa dan ibu ayam. Secara persendirian, mereka akan mencari pelanggan di sekitar kampung dan bandar Lahad Datu. Setiap perkhidmatan seks yang diberikan akan dikenakan bayaran antara RM 15 hingga RM 20. Mereka akan rela di bawa ke mana sahaja. Kadang kala mereka akan mengupah kaki pukul untuk menjaga mereka dari diperalat atau dianiaya oleh orang lain.⁸

⁸ Maklumat dari pemerhatian dan temu bual dengan **Encik Amir Hj Muharam** (dari Silibukan daerah Lahad Datu) pada 15 Jun 1996.

Pelacur di bawah ibu atau bapa ayam biasanya beroperasi di tempat-tempat tertentu sama ada di hotel, rumah tumpangan, restoran dan rumah panjang atau digelar rumah biru di mana mereka disertai oleh ramai pelacur Jawa dari Indonesia. Kalau diperhatikan ada juga antara mereka mencari pelanggan di sekitar kaki lima kedai dan restoran dengan menahan setiap kereta yang lalu lalang. Bayaran yang diberikan adalah berdasarkan tawar menawar. Biasanya antara RM 40 hingga RM 150 untuk sekali perkhidmatan, tetapi tidak termasuk bayaran penginapan sekiranya terpaksa menyewa di hotel. Selain itu, ada juga ibu dan bapa ayam yang membawa mereka masuk ke kawasan ladang-ladang di mana mereka boleh memperolehi pendapatan yang lebih tinggi kerana mendapat ramai pelanggan.⁹

Penglibatan mereka dalam aktiviti ini bukan sahaja disebabkan tekanan hidup namun ada yang ditipu oleh orang tengah yang menjanjikan mereka pekerjaan semasa berada di Filipina dulu. Mereka dibawa ke Sabah untuk mendapatkan pendapatan yang lebih lumayan misalnya menjadi pembantu rumah, pelayan kelab malam, model dan sebagainya. Tetapi tiba di Sabah, mereka diperkosa dan dijual kepada pelanggan untuk melacurkan diri. Jika mereka melarikan diri, mereka akan dipukul dan diugut bunuh oleh kaki pukul yang diupah oleh majikan. Namun begitu, ada juga di kalangan pelacur-pelacur ini memang pernah bergiat di Filipina dulu. Mereka datang ke Sabah mengikut bapa dan ibu ayam untuk mendapatkan pendapatan yang lebih lumayan. Kemasukan pendatang tanpa izin Filipina menyebabkan wujudnya aktiviti pelacuran di daerah ini. Akibatnya timbul masalah sosial bukan sahaja di kalangan masyarakat pendatang sendiri malah telah

⁹ Maklumat dari pemerhatian dan temu bual dengan Encik Amir Hj Muharam (dari Silibukan daerah Lahad Datu) pada 15 Jun 1996.

mempengaruhi sebilangan penduduk tempatan yang cenderung terjebak ke dalam maksiat ini.

5.6.6 Pekerjaan Sambilan

Oleh kerana sebahagian daripada responden tidak memperolehi pendapatan yang begitu lumayan, maka mereka berusaha mempelbagaikan pekerjaan dengan melakukan kerja sambilan supaya boleh menambah pendapatan. Jadual 5.8 mendapati bahawa dari 56 orang responden 22 orang (39.3%) yang mempunyai pekerjaan sambilan.

Jadual 5.8
Jenis Kerja Sambilan Responden Mengikut Pendapatan

JENIS PEKERJAAN SAMBILAN	BIL	%	PENDAPATAN BULANAN (RM)				
			<200	200- 400	401- 600	601- 800	801- 1000
TUKANG KAYU	5	22.7	5				
TUKANG CAT	1	4.5	1				
TUKANG BESI	1	4.5			1		
BERKEBUN	2	9.1	2				
MENJAJA ROKOK / MINUMAN	1	4.5		1			
BERNIAGA KEDAI RUNCIT	1	4.5			1		
MENJUAL IKAN MASIN	1	4.5		1			
RUNCIT + BEG	1	4.5		1			
MENJAJA BARANGAN RUNCIT	4	18.2			4		
TUKANG KAYU/TUKANG CAT	1	4.5			1		
LAIN-LAIN	4	4.5	2	2			
JUMLAH	22	100	10	5	7		

SUMBER: Soal Selidik Pada Mei Hingga Jun 1996.

Nota; Jumlah responden 56 orang dan bilangan yang tiada kerja sambilan 34 orang.

Sektor perniagaan dan sektor pembinaan cenderung dilakukan oleh responden sebagai kerja sambilan. Seramai 36.4% daripada responden terlibat dalam sektor perniagaan misalnya seperti menjaja barang runcit, berniaga kedai runcit, menjual ikan

segar, menjaja rokok dan minuman serta berniaga runcit dan membuat beg. Sektor pembinaan, juga melibatkan seramai 36.4% responden yang melakukan kerja-kerja seperti tukang kayu, tukang cat dan tukang besi. Selain daripada itu mereka juga melibatkan diri dalam sektor pertanian (9.1%) seperti kerja berkebun. Lain-lain kerja sambilan yang diceburi adalah seperti kerja sebagai mekanik dan sebagai buruh kastam.

Kerja-kerja yang mereka lakukan ini adalah sama seperti responden bekerja dalam pekerjaan makan gaji. Hanya yang berbeza ialah masa pelaksanaannya. Masa melakukan kerja sambilan adalah terhad dan pendek berbanding dengan kerja makan gaji. Biasanya kerja sambilan ini dilakukan pada masa cuti sama ada hari Sabtu dan Ahad ataupun Hari Cuti Kelepasan Am atau waktu petang selepas melakukan kerja makan gaji iaitu antara jam 2 petang hingga 9 malam.

Dari segi pendapatan pula, kadar pendapatan kerja sambilan ini adalah rendah berbanding dengan kerja makan gaji. Kebanyakan (45%) responden yang bekerja sambilan memperolehi pendapatan kurang RM 200 sebulan dalam kerja seperti bertukang kayu, tukang cat, berkebun, mekanik dan buruh kastam. Pendapatan yang paling tinggi (31.8%) dalam pekerjaan sambilan ini mencapai antara RM 401 - RM 600 sebulan khususnya dalam pekerjaan berniaga runcit, tukang besi (membuat pagar geriji) dan tukang kayu dengan tukang cat. Pendapatan dalam pekerjaan sambilan ini adalah penting untuk menambah pendapatan responden bagi menanggung keluarga mereka.

5.7 Kerja-Kerja Yang Pernah Di Sandang

Kedatangan orang Filipina ke Sabah, biasanya bertujuan untuk mencari pekerjaan. Kajian ini mendapati ramai responden pernah bekerja dalam pelbagai jenis pekerjaan

sebelum mereka memasuki kerja sekarang. Paling ramai (28) responden pernah bekerja dalam sektor pembinaan sebagai buruh binaan (lihat jadual 5.9). Ini disebabkan sektor ini merupakan sektor yang paling mudah diceburi. Setiap responden yang meminta pekerjaan ini mudah diterima oleh para majikan. Dalam sektor perladangan, seramai 21 (37.5%) orang responden pernah melibatkan diri dalam pekerjaan sebagai buruh ladang. Biasanya mereka bekerja di ladang-ladang Rancangan FELDA di kawasan Felda Sahabat 16 untuk melakukan kerja-kerja seperti menanam kelapa sawit, menebas hutan, mengutip koko dan sebagainya.

Jadual 5.9
Kerja Yang Pernah Disandang Oleh Responden Semasa Di Sabah

JENIS KERJA	BIL	%	KERJA YANG PERNAH DI SANDANG MENGIKUT URUTAN KERJA					
			I	II	III	IV	V	VI
Buruh Kem Balak	8	14.3	2	3			1	2
Kilang Papan	3	5.4	2				1	
Buruh Binaan	28	50	18	9	1			
Penjaga Sarang Burung	1	1.8	1					
Buruh Ladang	21	37.5	12	3	5	1		
Mekanik	2	3.6	2					
Berkebun	10	17.9	5	3	2		1	
Pengawal Keselamatan	2	3.6		1			1	
Berniaga Runcit	2	3.6	1	1				
Buruh Carigali Minyak	1	1.8			1			
Nelayan	7	30.4	2	4			1	
Pasang Besi Paip	1	1.8		1				
Jual Ikan Masin	1	1.8			1			
Mencari Rotan	2	3.6				1	1	
Tanam Rumpai Air	1	1.8	1					
TIADA PERNAH KERJA	10	17.9	10					
JUMLAH			56	25	10	5	3	2

Sumber : Borang Soal Selidik antara Mei - Jun 1996.

Nota; 56 orang responden.

Selain dari itu, seramai 10 orang (17.9%) responden pernah bekerja berkebun. Biasanya mereka yang terlibat dalam pekerjaan ini menjalankannya secara sambilan kerana upah yang diberikan dalam pekerjaan makan gaji tidak mencukupi. Tetapi setelah lama

bekerja kadar upah yang diterima dalam kerja makan gaji itu dinaikkan, maka mereka pun meninggalkan kerja berkebun.


Selain dari pekerjaan sebagai buruh binaan, buruh ladang dan bekebun responden juga pernah bekerja sebagai buruh kem balak (14.3%) dan nelayan (30.4%). Responden juga cenderung memasuki pekerjaan kem balak kerana di daerah Lahad Datu terdapat banyak kawasan pembalakan. Dalam kegiatan nelayan pula, biasanya responden terlibat dengan pekerjaan ini mengikuti saudara mara yang bekerja sebagai nelayan di Kampung Bakau. Menurut responden, Kampung Panji, Kampung Air, Kampung Bakau dan Kampung Puyut pada asalnya merupakan perkampungan nelayan di bandar Lahad Datu.

Lain-lain pekerjaan yang pernah disandang oleh responden ialah pekerjaan seperti buruh kilang papan, penjaga sarang burung, mekanik, pengawal keselamatan, bermiaga runcit, buruh mencari gali minyak, memasang besi paip, mencari rotan dan menanam rumpai air di kawasan laut daerah Kunak untuk dijual. Dari kajian ini didapati setiap responden bukan sahaja pernah bergiat hanya dalam satu pekerjaan sahaja bahkan ada pernah menyandang hingga 6 jenis pekerjaan.

5.8 Pendapatan dan Perbelanjaan Isi rumah

Kajian ini cuba meninjau purata pendapatan dan perbelanjaan seisi rumah secara keseluruhan. Carta 5.2 menunjukkan seramai 141 (29%) isi rumah adalah bekerja. Selebihnya 346 orang (71%) pula terdiri dari suri rumah tangga, kanak-kanak dan isi rumah lain yang tidak bekerja. Namun begitu sukar untuk menentukan jumlah pendapatan sebenar responden kerana ada berpendapatan tidak tetap, namun kajian ini cuba

menggangarkan purata pendapatan rumah tangga yang biasa diperolehi seperti yang ditunjukkan dalam jadual 5.10.



Sumber: Borang Soal Selidik Mei-Jun 1996
Nota: 487 Orang Isi rumah.

Pendapatan yang tertinggi di kalangan unit rumah tangga responden ialah sebanyak RM 4,830 sebulan di mana 4 orang dari 9 isi rumah adalah bekerja. Pendapatan terendah pula adalah sebanyak RM 130 sebulan. Perolehan pendapatan adalah rendah kerana seorang sahaja dari 5 isi rumah yang bekerja.

Jika dirujuk panduan garis kemiskinan Malaysia, seorang itu dianggap miskin sekiranya mencapai kadar purata pendapatan isi rumah sebanyak RM 370 di negeri-negeri di Semenanjung Malaysia, RM 452 di Sarawak dan RM 544 di Sabah (Malaysia: 1990:370). Oleh itu, berdasarkan pendapatan isi rumah yang ditunjukkan dalam jadual 5.10 seramai 7 orang (12.5%) responden di Kampung Bakau ini boleh dikategorikan sebagai *rakyat miskin* di Sabah. Kebanyakan (87.5%) daripada responden tidak dianggap miskin kerana pendapatan mereka melebihi RM 544 sebulan. Keadaan ini berbeza dari kajian Zulkiflie di kawasan Pulau Gaya, Kota Kinabalu di mana didapati kadar kemiskinan pendatang Filipina di sana adalah lebih tinggi mencapai 42.5% (Zulkiflie Hassan,

1993/94:76). Kadar kemiskinan di kalangan responden lebih kurang sama dengan di Semenanjung Malaysia. Khalid Mazlan (1988:179) yang mengkaji pendatang Indonesia mendapati kadar kemiskinan di kalangan mereka ialah 25%. Kajian Junipah Wandi (1995:173-174) pula mendapati tiada seorangpun pendatang Indonesia yang berada pada tahap garis kemiskinan. Pendapatan mereka antara RM 1,200 – RM 1,500. Kajian Junipah ini menumpukan kepada komuniti yang terdiri dari pendatang Indonesia yang telah mencapai kedudukan ekonomi yang stabil di Semenanjung Malaysia, malah ada yang bekerja di jabatan kerajaan.

Jadual 5.10
Pendapatan dan Perbelanjaan Isi rumah

KADAR DALAM RM	PENDAPATAN SEISI RUMAH		PERBELANJAAN SEISI RUMAH	
	BIL.	%	BIL.	%
Kurang RM 544	7	12.5	13	23.2
RM 544 – RM 1544	38	67.9	36	64.3
RM 1545 – RM 2545	5	8.9	3	5.4
RM 2546 – RM 3546	3	5.4	3	5.4
RM 3547 – RM 4547	2	3.6	1	1.8
Lebih RM 4547	1	1.8	0	0
JUMLAH	56	100	56	100

Sumber: Borang Soal Selidik Mei - Jun 1996.

Nota; Termasuk pendapatan responden.

Pencapaian ini menunjukkan bahawa pendatang Filipina di Kampung Bakau dapat menyesuaikan diri (beradaptasi) dengan keadaan tempatan dan mampu mengubah taraf hidup yang dahulunya miskin semasa di Filipina. Ramai antara responden dapat mencapai tahap kehidupan yang sederhana dan mewah semasa di Sabah dan mampu memiliki harta-harta persendirian (lihat bahagian 5.9).

Dari segi perbelanjaan isi rumah, jenis perbelanjaan sebulan yang diambil kira termasuk perbelanjaan keperluan makanan harian, persekolahan anak-anak, membeli air,

gas dan sewa letrik dan sebagainya. Berdasarkan jadual 5.10, anggaran kadar purata perbelanjaan setiap sebulan berkisar antara RM 190 hingga RM 3,580 sebulan.

Jumlah perbelanjaan yang terendah adalah sebanyak RM 130 sebulan terdiri 4 orang isi rumah dengan kadar purata pendapatan sebanyak RM 130 sebulan. Semua pendapatan responden dibelanjakan untuk menampung kehidupan sehari-hari secara sara diri. Perbelanjaan isi rumah ini adalah rendah kerana responden tidak menyewa api letrik dan persekolahan anak-anak. Lagipun, ia tidak perlu membeli ikan dan sayur di pasar kerana berkebun sayur dan menjadi nelayan di Kampung Bakau. Kadang-kadang mereka hanya makan ‘putu’ (ubi kayu) sahaja sebagai makanan harian jika tidak ada wang untuk membeli beras. Jumlah perbelanjaan tertinggi pula sebanyak RM 3,580 sebulan melibatkan 28 orang isi rumah yang mempunyai kadar pendapatan purata sebanyak RM 4,150 sebulan dari 8 isi rumah yang bekerja. Dilihat dari segi jumlah pendapatan per kapita (PPK) responden di kampung ini, pendapatan per kapita mereka mencapai sebanyak RM 141.7 sebulan.¹⁰

5.9 Pemilikan Harta Benda Di Sabah

Dari kajian ini didapati ramai pendatang Filipina di Kampung Bakau ini memiliki harta-harta persendirian di tempat tinggal mereka. Berdasarkan pemerhatian dan soal selidik didapati ramai daripada responden telah memiliki television (66.1%), radio atau mini kompo (67.9%) dan kipas angin (51.8%) (lihat jadual 5.11). Selain dari itu,

¹⁰ Pendapatan Per Kapita (PPK) = $\frac{\text{Jumlah Pendapatan Isi rumah (JPI)}}{\text{Jumlah Isi rumah (JI)}}$
= $\frac{\text{RM } 69,030.00}{487 \text{ orang}}$
= RM 141.1

responden-responden di kampung ini juga memiliki peralatan seperti periuk lektrik (10.7%), kerusi set (23.2%), almari perhiasan (16.1%), peti sejuk (14.3%), video (12.5%) dan mesin basuh (7.1%).

Jadual 5.11
Jenis Harta Benda Yang Dimiliki Oleh Responden

JENIS HARTA BENDA YANG DIMILIKI	BIL. RESPONDEN	PERATUS (%)
TV	37	66.1
RADIO/MINI COMPO	38	67.9
PETI SEJUK	8	14.3
MESIN BASUH	4	7.1
PERIUK LETRIK	6	10.7
KIPAS ANGIN	29	51.8
VIDEO	7	12.5
HAND PHONE	3	5.4
KERUSI SET	13	23.2
ALMARI PERHIASAN	9	16.1
KERETA	1	1.8
LAIN-LAIN	3	5.4

Sumber : Borang Soal Selidik dari Mei - Jun 1996.

Nota; 56 orang responden.

Lain-lain barang yang menunjukkan sedikit kemewahan di kalangan pendatang Filipina ini ialah pemilikan kereta dan telefon bimbit (*hand phone*). Seramai tiga (5.4%) responden di Kampung Bakau memiliki '*hand phone*' dan seorang pula memiliki kereta jenis '*Proton*.' Bagaimanapun, responden yang memiliki '*hand phone*' dan kereta ini merupakan responden yang bekerja sebagai mandur di sektor peladangan dan pembalakan yang telah mendapat taraf kewarganegaraan Malaysia.

Menurut responden, dahulu mereka tidak pernah memiliki sendiri harta seperti TV, radio, video, kereta dan telefon bimbit semasa di Filipina. Tetapi sekarang mereka telah mampu membeli barang berkenaan. Dari pemilikan harta benda ini dapat dirumuskan sebahagian daripada pendatang Filipina di Kampung Bakau telah mencapai tahap hidup yang lebih baik berbanding di negara Filipina.

5.10 Harta Yang Dimiliki Di Filipina

Penghijrahan pendatang Filipina ke Sabah bukan sahaja menyebabkan responden terpaksa meninggalkan kampung halaman mereka, bahkan juga keluarga, saudara mara, rumah, tanah, ladang, kebun dan binatang ternakan. Malah ada sebahagian dari harta responden ini masih dipajak gadai ataupun dicagar pada orang lain dan belum ditebus kembali (lihat jadual 5.12).

Jadual 5.12
Harta Yang Masih Dimiliki Di Negara Asal

SAIZ TANAH (EKAR)	BIL	%	BIL. RUMAH YANG DIMILIKI			SAIZ KEBUN ATAU LADANG (EKAR)				
			1	2	Tiada	< 5	5-10	11-15	> 15	Tiada
Kurang 10	11	37.9	4	1	6	11	-	-	-	-
10 - 20	12	41.4	4	2	6	0	11	0	-	1
21 - 30	3	10.3	2	-	1	-	-	3	-	-
31 - 40	2	6.9	-	-	2	-	-	-	2	-
41 - 50	0	0	-	-	-	-	-	-	-	-
Lebih 50	1	3.4	-	-	1	-	-	-	1	-
JUMLAH	29	100	10	3	16	11	11	3	3	1

Sumber: Borang Soal Selidik bermula dari Mei hingga Jun 1996

Bilangan Responden 56 orang.

Jadual 5.12 ini menunjukkan seramai 29 orang (51.8%) responden yang mempunyai harta tanah di Filipina. Paling ramai (41.1%) daripadanya memiliki tanah seluas 10 hingga 20 ekar dan 37.9% pula mempunyai tanah seluas kurang dari 10 ekar. Selebihnya, 17.2% pula mempunyai tanah seluas 21 hingga 40 ekar. Hanya seorang daripada responden mempunyai tanah bersaiz besar iaitu mencapai 105 ekar.

Kebanyakan tanah ini digunakan sepenuhnya untuk menjalankan aktiviti berkebun dan ladang. Hanya sebahagian sahaja digunakan untuk tapak rumah. Setiap responden yang mempunyai tanah secara langsung memiliki kebun dan ladang kelapa. Biasanya kebun-kebun yang masih dimiliki ini ditanam dengan pokok buah-buahan seperti pisang,

manggis, mangga, rambutan, durian dan sebagainya. Menurut responden, tanah-tanah, ladang-ladang dan kebun-kebun yang ada di Filipina ini dijaga dan diuruskan oleh saudara mara yang ada di sana. Pada musim buah-buahan selalunya saudara mara mereka mengirim buah-buahan ini ke Sabah.

Dari segi pemilikan rumah, hanya seramai 13 orang responden yang masih memiliki rumah di negara Filipina. Dari jumlah ini, seramai 10 orang yang memiliki sebuah rumah mana kala tiga orang memiliki dua buah rumah. Bagaimanapun, rumah ini didiami oleh keluarga atau saudara mara mereka yang masih berada di sana.

Jadual 5.13
Harta Lain Yang Masih Dimiliki Di Filipina

HARTA LAIN	BIL	%	BILANGAN LEMBU				HARGA GADAI TANAH ('000) pesos			
			<3	3-5	6-8	>8	>20	20- 40	41- 60	61- 80
BINATANG TERNAKAN	4	57		2	1	1				
GADAI TANAH	3	43						2		1
JUMLAH	7	100	0	2	1	1	0	2	0	1

Sumber: Borang Soal Selidik bermula dari Mei hingga Jun 1996

Bilangan Responden 56 orang.

Selain memiliki tanah, rumah dan ladang ada sebilangan kecil (12.5%) daripada responden memiliki harta lain seperti binatang ternakan (57%) dan tanah yang telah digadai (43%) yang belum ditebus oleh responden setelah berhijrah ke Sabah (lihat jadual 5.13). Jumlah binatang ternakan jenis lembu yang dimiliki oleh responden adalah antara 3 hingga 10 ekor sahaja mana kala harga gadaian tanah mereka antara 20,000 hingga 80,000 pesos.

Pendatang Filipina yang datang ke Sabah, bukanlah semuanya golongan yang tidak berharta tetapi sebilangan daripada mereka masih mempunyai harta tetap di negara asal.

Mungkin harta-harta ini yang membolehkan mereka mengumpul wang untuk membiayai kos berhijrah ke Sabah.

Dirumuskan bahawa kebanyakan pendatang Filipina di Kampung Bakau ini telah pun mencapai kedudukan ekonomi yang stabil. Walaupun ketika mula-mula sampai kedudukan ekonomi mereka di tahap kemiskinan, namun setelah lama berada di Sabah, mereka berjaya beradaptasi dengan keadaan sosial dan politik negeri Sabah sambil melibatkan diri dalam kegiatan ekonomi formal dan informal. Pada masa sekarang, kebanyakan daripada pendatang Filipina ini dapat melepaskan diri dari garis kemiskinan negeri Sabah. Kemungkinan besar semakin lama mereka berada di Sabah, semakin kukuh kedudukan ekonomi di negeri ini kerana semakin banyak peluang-peluang ekonomi, sosial dan politik yang terdedah kepada mereka. Lagipun mereka memang mudah beradaptasi dengan persekitaran tempatan yang akan dibincangkan dalam bab-bab seterusnya.